

KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA

**PHARMANIAGA KUKUHKAN BARISAN KEPIMPINAN,
LANTIK PENERUSI DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH
BAHARU**

SHAH ALAM, 22 Februari 2023 – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) terus mengukuhkan barisan kepimpinan dengan melantik Izaddeen Daud sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas yang baharu. Beliau telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Pharmaniaga sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas sejak Mac 2021.

Izaddeen yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Boustead Holdings Berhad (Boustead) telah memegang beberapa jawatan dalam Kumpulan Boustead, termasuk Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan; Pengarah Eksekutif Pembangunan Perniagaan Kumpulan dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Boustead Properties Berhad. Beliau kini merupakan ahli lembaga pengarah Boustead Plantations Berhad dan Boustead Heavy Industries Corporation Berhad.

Sementara itu, ahli Lembaga Pengarah Dr Abdul Razak Ahmad telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan, manakala Ketua Pegawai Reinvensi dan Strategi Boustead Ahmad Shahredzuan Mohd Shariff dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif yang baharu.

Lembaga Pengarah juga mengumumkan peletakan jawatan Datuk Zulkarnain Md Eusope dan Zulkifli Jafar daripada Lembaga Pengarah. Datuk Zulkarnain dan Zulkifli kini masing-masing dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Pharmaniaga dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif. Sementara itu, Mohamed Iqbal Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi.

Semua ini adalah sejajar dengan polisi Kumpulan Boustead untuk terus meningkatkan amalan ketelusan, tadbir urus korporat yang baik dan pemisahan antara Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan. Polisi ini yang digunapakai oleh semua syarikat yang beroperasi dalam Kumpulan Boustead, adalah selaras dengan prinsip di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Najmuddin Abdullah di talian 019-3387777, emel najmuddin@pharmaniaga.com atau Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03-3342 9999 samb. 434, email zuhri@pharmaniaga.com.